



KENYATAAN MEDIA

ASEAN DAN RAKAN DIALOG PERKUKUH KERJASAMA ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN ke-36 (ASOEN-36) bersama rakan-rakan dialog serantau telah berlangsung hari ini merangkumi:

- *19th ASEAN-Japan Dialogue on Environmental Cooperation*
- *5th ASEAN-Republic of Korea (ROK) Dialogue on Environment and Climate Change*
- *ASEAN-European Union (EU) High-Level Dialogue on Environment and Climate Change*

Dialog-dialog ini berperanan sebagai platform strategik untuk memperkukuh kerjasama serantau antara negara-negara ASEAN dan rakan-rakan dialog dalam menangani isu-isu berkaitan alam sekitar dan perubahan iklim secara kolektif dan berkesan.

Antara perkara utama yang dibincangkan ialah status kemajuan pelaksanaan *Strategic Program for ASEAN Environment and Climate* (SPACE). Inisiatif ini dibangunkan bagi menangani tiga cabaran utama alam sekitar yang semakin mendesak di rantau ASEAN iaitu Perubahan Iklim, Kawalan Pencemaran dan Pemuliharaan Biodiversiti.

Melalui perbincangan tersebut, pelbagai program dan inisiatif telah dikenal pasti bagi menyokong pelaksanaan SPACE ke arah pembangunan mampan di rantau ini seperti Regional Knowledge Center for Marine Plastic Debris (RKC-MPD) (ERIA) dan ASEAN Climate Change Strategic Action Plan (ACCSAP).

Tumpuan perbincangan turut menekankan kepada usaha untuk mengawal pencemaran sisa marin dengan pelaksanaan program kerjasama dalam *Regional Action Plan on Marine Litter (RAP-MALI)*. Pelan tindakan ini melibatkan komitmen dan kerjasama erat antara negara-negara ASEAN dengan matlamat untuk memperkukuh inisiatif pengurusan sisa marin secara bersepadu di peringkat serantau.

Dalam usaha memperkukuh kerjasama serantau ke arah peralihan kepada ekonomi kitaran, ASEAN Circular Economy Forum (ACEF) 2025 akan dianjurkan di Malaysia pada Oktober 2025 dengan kerjasama dan sokongan daripada *Enhanced Regional EU-ASEAN Dialogue Instrument (E-READI)*. Ini merupakan platform strategik bagi merangka dan menyelaraskan pendekatan peralihan kepada ekonomi kitaran melalui dasar nasional serta inisiatif serantau yang selari dengan matlamat pembangunan mampan.

Malaysia terlibat secara aktif di dalam perbincangan pada hari ini dan turut menyatakan penghargaan kepada sokongan yang telah diberikan oleh rakan dialog ASEAN. Malaysia berharap agar kerjasama ini dapat diteruskan dalam aspek pembangunan kapasiti dan keupayaan teknikal serta penyediaan platform bagi perkongsian maklumat dalam menangani isu perubahan iklim, pengurusan sisa, pendidikan alam sekitar, pembangunan bandar lestari, pencemaran plastik dan konservasi biodiversiti.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
30 JULAI 2025

